

ZYLTAN 50

Losartan potassium tablets USP 50 mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zyltan 50
2. Bagaimana Zyltan 50 berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zyltan 50
4. Cara menggunakan Zyltan 50
5. Semasa menggunakan Zyltan 50
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zyltan 50
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Zyltan 50

Zyltan merendahkan tekanan darah tinggi, yang mana doktor-doktor panggil sebagai hipertegangan. Zyltan juga digunakan untuk memperlahankan perkembangan penyakit ginjal bagi pesakit-pesakit kencing manis jenis ke-2 yang mempunyai protein dalam air kencing mereka.

Bagaimana Zyltan 50 berfungsi

Zyltan tergolong dalam suatu kumpulan ubat, dipanggil sebagai angiotensin II receptor antagonists . Ubat ini berfungsi merendahkan tekanan darah anda dengan mengendurkan salur-salur darah anda. Tambahan pula, ubat ini memperlahankan perkembangan penyakit ginjal bagi pesakit-pesakit kencing manis jenis ke-2 yang mempunyai protein dalam air kencing mereka.

Sebelum menggunakan Zyltan 50

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Zyltan 50 jika:

- Anda mengandung atau menyusu bayi.
- Anda mempunyai alahan terhadap Zyltan atau sebarang ramuan yang terkandung dalamnya.
- Bungkusannya terkoyak atau menunjukkan tanda-tanda pernah diusik.
- Tarikh luput pada bungkus telah tamat tempoh.

- Sebelum menggunakan Zyltan 50

Beritahu doktor anda jika :

- Anda bercadang untuk hamil atau merancang untuk menyusu bayi.

- Anda pernah mempunyai sebarang keadaan kesihatan.
- Anda telah mengalami muntah secara keterlaluan atau cirit-birit baru-baru ini.
- Anda mempunyai alahan-alahan terhadap sebarang ubat atau bahan lain. Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana yang tersebut di atas, beritahu kesemuanya sebelum anda mengambil Zyltan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain, termasuk ubat-ubat yang anda beli tanpa suatu preskripsi. Doktor atau ahli farmasi anda ada maklumat tambahan tentang ubat- ubat yang perlu anda berhati-hati dengan atau yang perlu dielakkan semasa mengambil Zyltan.

Cara menggunakan Zyltan 50

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak tablet yang perlu anda ambil setiap hari. . Hal ini bergantung kepada keadaan anda dan sama ada anda sedang mengambil ubat-ubat lain.

Rawatan lazimnya dimulakan dengan 50 mg sekali sehari. Kesan maksimum pengurangan tekanan darah sepatutnya dapat dicapai dalam 3-6 minggu selepas rawatan bermula.

Dalam sesetengah pesakit dose Berkenaan boleh ditingkatkan menjadi 100 mg sekali setiap hari. Jika anda mempunyai tanggapan bahawa kesan losartan adalah terlalu kuat atau terlalu lemah, sila bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Bila perlu digunakan

Ambil tablet Zyltan anda pada waktu yang lebih kurang sama pada setiap hari. Hal ini akan memberikan kesan terbaik dan juga membantu anda mengingati bila tablet perlu diambil.

- Berapa lama perlu digunakan

Zyltan membantu mengawal tekanan darah tinggi anda, tetapi tidak mengubatinya. Maka Zyltan perlu diambil setiap hari selama dan selagi doktor anda mempreskripsi ubat ini kepada anda. Jika anda terlupa mengambilnya.

- Jika terlupa menggunakan

Jika waktu telah hampir tiba untuk dos anda yang seterusnya, langkau dos yang telah anda tinggalkan dan ambil dos anda yang seterusnya. Jika tidak, ambilnya sebaik sahaja apabila anda mengingatnya, dan kemudian kembali kepada pengambilan tablet (-tablet anda seperti yang lazim anda lakukan. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang a n d a t i n g g a l k a n .

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Segera telefon doktor anda atau Pusat Maklumat Racun, atau pergi ke hospital yang paling dekat dengan anda, lakukannya walaupun tanda-tanda ketidakselesaian atau keracunan tidak muncul. Jika anda mengambil terlalu banyak tablet, anda boleh merasa pitam atau pening.

Semasa menggunakan Zyltan 50

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda jika anda menjadi hamil semasa sedang mengambil Zyltan. Jika anda hampir hendak mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Zyltan.

Jika anda merasa, pitam, pening atau pengsan, bangun dengan perlahan apabila sedang bangun dari katil atau berdiri, bincang dengan doktor anda.

Pastikan anda minum air secukupnya semasa bersenam dan cuaca panas apabila anda sedang mengambil Zyltan khususnya jika anda banyak berpeluh. Jika anda muntah secara keterlaluan dan /

ZYLTAN 50

Losartan potassium tablets USP 50 mg
atau cirit-birit semasa mengambil Zyltan, beritahu doktor anda. Sentiasa rujuk dengan doktor anda untuk pemeriksaan secara kerap.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan menggunakan lebih daripada dos yang disarankan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

Jangan berikan Zyltan kepada orang lain, walaupun keadaan mereka adalah sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan jika berlaku kerengsaan atau sensitiviti.

Pandu kenderaan atau kendalikan jentera dengan berhati-hati sehingga anda tahu bagaimana Zyltan boleh memberikan kesan terhadap anda. Sesetengah langkah boleh membantu dalam keadaan anda seperti dari segi arak, pemakanan, senaman, garam, rokok dan berat badan. Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang langkah-langkah ini dan untuk maklumat lanjut.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Zyltan 50 boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mengalaminya. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom berikut selepas mengambil ubat ini kerana simptom ini boleh memudaratkan.

- Rasa pening
- Batuk
- Rasa pitam
- Keletihan atau kelemahan
- Rasa berpusing
- Rasa tidak sihat
- Peningkatan kepekaan kulit terhadap matahari
- Ketidakupayaan untuk mendapatkan atau mengekalkan ereksi.
- Bengkak pada muka, bibir, mulut, lidah atau tekak yang boleh menyebabkan kesukaran dalam menelan atau bernafas
- Bengkak-bengkak pada kulit yang teruk dan tercetus secara mendadak yang berwarna merah jambu dan

gatal, juga dipanggil gatal-gatal atau ruam jelatan

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my [Consumer → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Penyimpanan dan pelupusan Zyltan 50

penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, Lindungi dari cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih, berbentuk bujur, dan bersalut filem yang mempunyai garis pemisah pada satu belah.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Losartan potassium tablets 50 mg

- Bahan tidak aktif

Microcrystalline Cellulose (Comp. Grade), Sodium Starch Glycolate, Croscarmellose Sodium, Colloidal Silicon Dioxide, Talc, Magnesium Stearate, Ethyl Cellulose, Hydroxy Propyl Methyl Cellulose 2910 (E15), Isopropyl Alcohol, Methylene Chloride, Propylene Glycol, Titanium Dioxide.

- Nombor MAL:

MAL13065043AZ

Pengilang

Troikaa Pharmaceuticals Ltd.
C-1, Sara Industrial Estate, Selaqui,
Dehradun, Uttarakhand, India

Pemegang Pendaftaran Produk

Unimed Sdn Bhd
53, Jalan Tembaga SD 5/2B,
Bandar Sri Damansara,
52200, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

29/12/2022

Nombor Siri

NPRA(R2/1)220915/955